


MALAYSIA KITA

*Panduan Dan Rujukan
Untuk Peperiksaan Am
Kerajaan*

- Sejarah
- Pentadbiran
- Dasar-Dasar Pembangunan



KANDUNGAN

<i>Bab</i>	<i>Muka Surat</i>
1 Pengenalan	3
2. Petempatan Awal Di Gugusan Kepulauan Melayu	5
3. Kerajaan-Kerajaan Awal	9
4. Kesultanan Melayu Melaka	12
5. Kerajaan-Kerajaan Melayu Tua	18
6. Kedatangan Islam di Tanah Melayu	21
7. Kejatuhan Empayar Melaka	24
8. Kerajaan-Kerajaan Melayu Baru	30
9. Hubungan Negeri-Negeri Melayu Dengan Kuasa Luar	35
10. Kegiatan Ekonomi Negeri-Negeri Melayu	42

Dari abad ke 7, sebahagian besar Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah pengaruh Empayar Hindu-Buddha iaitu Kerajaan Srivijaya. Kerajaan ini berpusat di Palembang, Sumatra. Kurun Kedua Belas merupakan zaman kegemilangan Kerajaan Srivijaya - ia menguasai keseluruhan Pulau Sumatra, Semenanjung Tanah Melayu, sebahagian besar Pulau Jawa dan beberapa buah pulau di dalam gugusan Kepulauan Melayu.

Pada abad ke 13, wujud pula Kerajaan Majapahit yang menggantikan Empayar Srivijaya. Kerajaan Majapahit berpusat di Pulau Jawa dan mengembangkan kuasanya ke atas wilayah yang lebih luas lagi, termasuk Borneo. Srivijaya dan Majapahit mempunyai ciri-ciri persamaan yang banyak, termasuk ikatan kekeluargaan antara raja-raja mereka, serta sama bentuk pengaruh Hindu-Buddha yang terserap ke dalam adat dan budaya kaum penduduk-penduduk Asia Tenggara dengan sedikit perbezaan antara satu wilayah dengan wilayah-wilayah lain.